

30/06/1998

KLIA mula beroperasi hari ini

Ebi Azly Abdullah

SEPANG, Isnin - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kini siap sedia untuk mengendalikan operasi penerbangan domestik dan antarabangsa mulai jam 7 pagi esok.

Jurucakap Malaysia Airports Berhad (MAB) berkata, segala persediaan sudah disiapkan menjelang penerbangan pertama iaitu pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) ke Langkawi pada jam 7 pagi, yang turut membawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sebanyak 23 penerbangan dijadual berlepas dari KLIA dalam tempoh dua jam pertama operasi lapangan terbang itu, dengan kebanyakannya membabitkan pesawat milik Penerbangan Malaysia (MAS).

"Bagi kemudahan lain pula, semua kedai runcit dan restoran akan dibuka mulai jam 7 pagi esok dan kami menjangkakan penumpang tidak menghadapi masalah dalam aspek itu," katanya ketika ditemui di Pusat Pengurusan Lapangan Terbang (AMC) KLIA, hari ini.

KLIA yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaa'far, Sabtu lalu, adalah yang terbesar di Asia dan kedua terbesar di dunia selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Denver, Amerika Syarikat.

Jurucakap itu berkata, keempat-empat blok Kompleks Letak Kereta Tertutup akan mula beroperasi pagi esok dengan pelaksanaan sistem Autopay, dengan pemilik kereta membayar terlebih dulu sebelum meninggalkan kompleks berkenaan.

Menurutnya, caj bayaran meletak kenderaan yang disahkan baru-baru ini ialah RM3.70 sejam. Bagaimanapun, pengguna kompleks berkenaan menikmati kemudahan daftar masuk di setiap aras letak kereta.

"Bagi mereka yang hendak pergi ke destinasi jauh, kenderaan boleh diletakkan di Kompleks Letak Kereta Terbuka dengan kadar bayaran RM8 setiap enam jam," katanya sambil menambah, kawasan letak kereta di KLIA memiliki kapasiti 12,000 kenderaan.

KLIA menyediakan dua kawasan letak kereta dengan 11,717 ruang.

Kawasan letak kereta tertutup merangkumi empat blok tujuh tingkat dengan 6,208 tapak, manakala tempat terbuka mempunyai 5,509 tapak.

Perkhidmatan bas shuttle beroperasi di antara kawasan letak kereta terbuka dan bangunan terminal utama setiap 15 minit.

Menurut jurucakap itu, pengguna pertama KLIA tidak perlu bimbang kerana MAB menempatkan kira-kira 200 'duta' bergerak di sekitar kawasan Bangunan Terminal Utama (MTB), Jeti Penghubung dan Terminal Satelit untuk membantu mereka.

Antara tugas duta berkenaan ialah membantu penumpang mencari perkhidmatan yang sesuai untuk mereka, baik menempah taksi, bilik hotel atau pun masalah lain.

"Apa yang penting ialah kehadiran duta berkenaan akan memberi gambaran positif terhadap KLIA dalam usahanya menjadi sebuah lapangan terbang mesra-penumpang di rantau ini," katanya.

(END)